



PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR

No. Telefon : +603-61794752

No. Faks: +603-62414679

E-mel: pibgsmktp20@gmail.com

Ruj. Kami: SMKTP(PIBG).100-13/1/4 (20)

Tarikh : 23 Februari 2022

Kepada:

Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU
SMK TIARA PERMAI KALI KE-4

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Tiara Permai kali ke-4 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **26 Mac 2022 (Sabtu)**
Masa : **9.00 pagi**
Tempat : **Lokasi masing-masing**
Medium : **Dalam talian**
Pautan : **Akan dimaklumkan kemudian.**

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan dijemput hadir dalam MAT PIBG SMK Tiara Permai kali ke-4 secara dalam talian. Pelaksanaan mesyuarat secara dalam talian ini adalah selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan mematuhi Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19.

4. Pihak sekolah mengalu-alukan sebarang usul atau cadangan daripada YBhg. Dato'/ Datin/tuan/puan bagi tujuan penambahbaikan untuk kecemerlangan murid dan kejayaan sekolah. YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh mengemukakan usul atau cadangan melalui pautan <https://forms.gle/xdAoNYsbGFEGoLPK9> sebelum atau pada **17 Mac 2022**.

5. Semoga dengan kehadiran YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam MAT PIBG secara dalam talian dapat membawa PIBG SMK Tiara Permai menuju kecemerlangan dan mencapai objektif penubuhannya. Sebarang pertanyaan mengenai MAT PIBG ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi Setiausaha PIBG, Cik Amira Eva Sherin binti Roslan di talian 012-6442768.

.../2-

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"SATU WAWASAN MENUJU KECEMERLANGAN"

Saya yang menjalankan tugas,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Haji Mohd Jamalludin Bin Kasbi'. The signature is stylized with loops and a horizontal line at the end.

(HAJI MOHD JAMALLUDIN BIN KASBI)

Naib Yang Dipertua
Memangku tugas Yang Dipertua
Persatuan Ibu Bapa dan Guru
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur